



KENYATAAN MEDIA **UNTUK SIARAN SEGERA**

PELAN STRATEGIK PTPTN 2021 - 2025 **MENGGARISKAN HALA TUJU PTPTN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada hari ini telah melancarkan **Pelan Strategik PTPTN 2021-2025** secara *live* di Facebook Rasmi PTPTN yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN.
2. Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 merupakan dokumen yang menggariskan perancangan dan hala tuju PTPTN dalam tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2021 hingga 2025 selari dengan dasar dan aspirasi Kerajaan. Justeru, Pelan Strategik PTPTN sangat penting sebagai garis panduan bagi mencapai visi dan misi PTPTN untuk menjadi Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara yang menguruskan dana simpanan dan pinjaman secara efektif berlandaskan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan strategik.
3. Lima (5) teras strategik yang dikenalpasti bagi merealisasikan visi dan misi PTPTN sebagai organisasi yang menguruskan dana untuk pendidikan tinggi yang strategik dan inovatif menjelang tahun 2025 adalah :
 - i. Menjadikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai produk simpanan pendidikan yang utama di Malaysia;
 - ii. Memperkasakan pengurusan pinjaman pendidikan sebagai pengurus pinjaman pendidikan yang utama dan unggul;
 - iii. Menambah baik pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman dengan lebih efektif;
 - iv. Melaksanakan strategi pendanaan dan pelaburan yang mendatangkan pulangan yang optimum; dan
 - v. Memperkasakan organisasi yang lebih dinamik dan cemerlang
4. Melalui teras strategik ke lima (5), PTPTN komited akan memperkasakan organisasi ke arah lebih dinamik dan cemerlang melalui pengubahsuaian imej serta budaya melalui penjenamaan yang menyeluruh. Begitu juga dari aspek pengurusan data yang lebih sistematik yang akan diperkasakan melalui Rangka Kerja *Artificial Intelligence* (AI) malah keupayaan aplikasi dan perkakasan ICT turut akan ditingkatkan dengan penggunaan teknologi yang terkini.

5. Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, “Masyarakat perlu menyedari fungsi dan sumbangan utama PTPTN kepada pendidikan negara. Saya berharap PTPTN akan terpahat di hati masyarakat, sebagai tabung pendidikan yang bukan sekadar menyedia dan mengutip pinjaman tapi memberi peluang kejayaan dan impian kepada anak-anak untuk berjaya dalam kehidupan selari dengan moto baharu PTPTN iaitu “**Peluang Kejayaan Anda.**”

6. “Saya sangat optimis dengan Pelan Strategik yang telah dirangka ini akan membawa PTPTN ke satu fasa baharu ‘**New PTPTN**’ yang akan sentiasa dekat di hati masyarakat. Saya juga amat berharap Pelan Strategik ini dapat dijadikan sebagai garis panduan ke arah kecemerlangan imej PTPTN yang profesional dan berkualiti tinggi sekaligus meningkatkan lagi keyakinan dan kesediaan masyarakat untuk membuat bayaran balik dan membuat simpanan. PTPTN akan menjadi sebuah organisasi yang dibangga dan disegani masyarakat kerana sumbangannya dalam melahirkan modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara,” tambah Wan Saiful lagi.

7. Sementara itu, menurut Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, “Sebagai pembiaya utama pinjaman pendidikan tinggi negara juga, PTPTN akan bertindak selari dengan hasrat Kerajaan di dalam menghasilkan graduan yang berkualiti. Saya yakin melalui strategi-strategi yang akan dilaksanakan dan kerjasama pelbagai pihak, PTPTN akan lebih cemerlang dan terserlah sebagai institusi penabungan dan pengurusan utama dana bagi tujuan pendidikan tinggi menjelang tahun 2025.”

8. Sejak ditubuhkan pada tahun 1997 sehingga 31 Mei 2021, PTPTN telah membantu seramai 3.51 juta pelajar dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM63.82 bilion. Dari segi deposit SSPN, PTPTN telah mencatatkan terimaan deposit yang sangat memberangsangkan iaitu berjumlah RM8.99 bilion dengan 4.98 juta akaun direkodkan.